

# Pelan komprehensif tangani banjir

**Johor Bahru:** Kerajaan negeri menyediakan satu pelan komprehensif bagi mengatasi masalah banjir di negeri ini sekali gus mengurangkan kesan dan akibat bencana alam itu kepada persekitaran dan ekonomi secara keseluruhannya.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Johor Datuk Ayub Rahmat berkata, usaha itu diperoleh menerusi perseutujuan dalam satu mesyuarat kerajaan negeri untuk menyediakan kajian terperinci mengenainya.

“Kerajaan negeri bersetuju membuat penyediaan kajian yang menyeluruh berkenaan cara mengatasi banjir yang sering berlaku apabila musim tengkujuh.

“Kita lihat semua kajian dilakukan dan dapatkan pandangan daripada mereka yang berkepentingan

“

**Kerajaan negeri bersetuju membuat penyediaan kajian yang menyeluruh berkenaan cara atasi banjir yang sering berlaku apabila musim tengkujuh”**

**Ayub Rahmat**

seperti pertubuhan bukan kerajaan (NGO) alam sekitar dan NGO beliau membantu kajian komprehensif ini,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam Majlis Penutupan Bengkel Kajian Pelan Tindakan Banjir Negeri Johor di sebuah hotel di sini, baru-baru ini.

Dalam pada itu, kajian awal Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dan Pihak



Berkuasa Tempatan (PBT), Segamat menjadi daerah yang mempunyai lokasi banjir paling kritikal di negeri ini dengan 22 kawasan kritikal daripada 165 lokasi banjir di seluruh negeri termasuk Batu Pahat, Kluang dan Kota Tinggi.

Bengkel dua hari itu disertai 20 agensi membitkan 200 peserta dari Pejabat Tanah, Pejabat Daerah dan agensi yang terbabit

dengan bencana banjir.

Ayub berkata, kajian itu nanti diharap menjadi solusi terbaik dapat dicadangkan kepada kerajaan negeri untuk menangani banjir.

Beliau berkata dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) pihaknya memohon peruntukan RM5 bilion bagi melaksanakan rancangan tebatan banjir dan meningkatkan kemudahan di empangan selain pemulihan hakisan pantai.

Selain itu Ayub berkata, kerajaan negeri juga melaksanakan projek tebatan banjir dengan kos RM231 juta merangkumi enam fasa dan hampir selesai tidak lama lagi.

“Semua projek ini hampir selesai kecuali pembinaan jambatan baru melintasi Sungai Genuang di Segamat ke Muar,” katanya.